



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Kedah yang dipengerusikan bersama oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Negeri Kedah dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sesi libat urus dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah dimulakan sejak 5 Julai 2019 lalu dan Negeri Kedah merupakan negeri yang terakhir dalam siri jelajah MEA ke semua negeri bagi penyediaan RMKe-12.

Penyediaan RMKe-12 ini akan mengambil pendekatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merapatkan jurang ekonomi, menstruktur semula ekonomi serta membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan hidup dalam harmoni agar Malaysia menjadi paksi untuk ekonomi Asia menjelang tahun 2030. Sesi libat urus yang ke-14 ini juga meneroka keunikan dan kekuatan yang boleh dioptimumkan di Negeri Kedah dalam mencipta Kemakmuran Bersama.

Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMKe-11, Negeri Kedah merupakan salah satu negeri yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan di mana sebanyak RM1.13 bilion diperuntukkan daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM580 juta diperuntukkan bagi sektor ekonomi, RM458 juta bagi sektor sosial, RM83 juta bagi sektor keselamatan dan RM11 juta bagi sektor pentadbiran.

Kerajaan turut memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi rentas sempadan melibatkan Negeri Kedah dengan Thailand. Dalam hal ini, Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) akan terus dimanfaatkan bagi pembangunan negeri Kedah.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Yang Berhormat Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pengarah-pengarah MEA serta ketua-ketua jabatan/agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Kedah.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**23 September 2019**